

**Umno Sabah Hormati Keputusan Musa Tidak Bertanding Naib Presiden, MT  
Bernama  
16 Sept, 2013**

KOTA KINABALU, 16 Sept (Bernama) -- Umno Sabah menghormati keputusan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman untuk tidak bertanding jawatan naib presiden atau anggota majlis tertinggi pada pemilihan Umno akan datang.

"Ketua Menteri menjelaskan kepada kami kenapa beliau tidak akan bertanding dan kami menerimanya serta menghormati keputusan beliau itu," kata Timbalan Ketua Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Salleh Said Keruak kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata Umno Sabah akan terus memberi sokongan kepada Musa sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno negeri dan Ketua Menteri dalam merancang dan melaksanakan agenda pembangunan Sabah.

Salleh berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan Musa semalam berhubung perkara itu.

Musa dipetik sebagai berkata bahawa setelah menimbang dengan mendalam dan berbincang dengan rakannya dalam parti, termasuk anggota exco Umno Sabah, beliau mengambil keputusan untuk tidak bertanding sebarang jawatan.

Musa juga dipetik sebagai berkata bahawa beliau telah memaklumkan kepada Presiden Umno, yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tentang keputusan itu.

Kata beliau Umno Sabah tetap dengan pendiriannya bahawa jawatan presiden dan timbalan presiden parti itu tidak perlu dicabar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978002>